

11 MAY 2001

Mahathir-PAS

PERPADUAN MELAYU: PAS TAKUT KEHILANGAN SOKONGAN DAP

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Pas sehingga ke hari ini belum merealisasikan pertemuan perpaduan Melayu dengan Umno kerana parti pembangkang itu takut kehilangan sokongan daripada DAP.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pas sanggup berkompromi dengan DAP dengan menyetujui hak keistimewaan orang Melayu semata-mata untuk meraih sokongan.

"Pas takut kalau mereka mengutamakan perpaduan orang Melayu, orang Cina tak akan sokong mereka, sebab itu bukan perpaduan Melayu yang mereka hendak tetapi perpaduan nasional, seolah-olah mereka daripada dulu pun bercakap soal perpaduan kaum," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis memperingati perjuangan Umno dan pertemuan dengan veteran Umno di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata Pas yang dulunya memandang "jijik" orang Cina dan India kini sanggup memperlihatkan parti itu seolah-olah sebagai jaguh kepada orang Cina.

"(Mereka lakukan itu) kerana nak sokongan daripada orang Cina dan India, kerana dengan itu bolehlah mereka kalahkan orang Melayu Umno," katanya.

Beliau berkata semasa kemerdekaan, kaum bukan Bumiputera telah mengiktiraf empat perkara membabitkan kepentingan orang Melayu iaitu keistimewaan dan kedudukan orang Melayu, Bahasa Melayu, agama Islam dan keistimewaan Raja-raja Melayu.

Dr Mahathir berkata Umno tidak pernah dan tidak akan menggadai kepentingan orang Melayu semata-mata untuk meraih sokongan dan Pas juga, sekiranya benar-benar ingin mempertahankan orang Melayu dan agama Islam, mereka harus tidak takut kehilangan sokongan DAP.

"Umno tidak cuba gadai sesuatu kerana nak (dapatkan) sokongan orang-orang Cina dan jangan kita korbankan hak kita semata-mata untuk dapatkan sokongan daripada orang lain," katanya.

Beliau berkata Umno berhasrat mengadakan pertemuan dengan Pas untuk membincangkan empat perkara berkaitan kepentingan dan perpaduan orang Melayu, tetapi Pas sehingga ke hari ini masih memberi pelbagai alasan.

"Mereka (Pas) memberi pelbagai alasan (untuk tidak mengadakan pertemuan) sedangkan bangsa Melayu nak dihapus mereka tak peduli," katanya.

Dr Mahathir berkata hanya Umno sahaja merupakan satu-satunya parti yang dapat mempertahankan hak dan kepentingan orang Melayu seperti yang telah dibuktikan selama ini.

-- BERNAMA

ZAI RV ZB